

**Selangor wujud 89,000 peluang kerja termasuk kepada rakyat Sabah, Sarawak**

**SelangorKini.my**

**16 July 2023**

**Oleh Nina Farzuin Md Sharom**

SHAH ALAM, 16 JULAI: Selangor berjaya mewujudkan 89,000 peluang pekerjaan baharu sejak lima tahun lalu yang memanfaatkan bukan hanya penduduk tempatan malah penghijrah dari Sabah dan Sarawak.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari juga memberi jaminan pihaknya sentiasa berusaha memastikan tiada rakyat tersisih termasuk mereka yang berasal dari negeri lain yang bekerja di Selangor.

"Kejayaan Selangor sebagai penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu 25.5 peratus adalah datang daripada hasil kerja orang di Selangor termasuk Sabah dan Sarawak yang bekerja di sini.

"Kita perlu melihat secara keseluruhan bagaimana negeri ini berjalan di mana sejak dahulu lagi Selangor menjadi tumpuan ramai, dan ini menjadi sumber kekuatan kita dengan semangat perpaduan yang erat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Santai Kaamatan Selangor 2023 di Taman Sri Muda di sini hari ini. Turut hadir Pengerusi Barisan Nasional Sabah Datuk Seri Bung Moktar Radin.

Amirudin menambah, Kerajaan Negeri juga sedia memenuhi beberapa permohonan rakyat Sabah dalam menyediakan kemudahan bagi majlis atau

acara tertentu sekiranya masih memegang tampuk pemerintahan selepas pilihan raya negeri (PRN) nanti.

“Insya-Allah... kita boleh lakukan dan saya yakin sebulan lepas PRN, kita akan luluskan segera permohonan-permohonan penempatan atau kawasan yang boleh digunakan bersama komuniti lain,” katanya.

**© Copyright 2023 - Developed for the People of Selangor**

Source: <https://selangorkini.my/2023/07/selangor-wujud-89000-peluang-kerja-termasuk-kepada-rakyat-sabah-sarawak/>